

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 FEB 2015

# Najib mahu penjelasan lanjut

BH - 15/2/2015



Najib menerima cenderamata potret beliau daripada Suhaimi (kiri) disaksi Mohd Johari (kanan) pada Kejohanan Golf PAMADAM Perdana 2015 Piala Sultan Azlan Shah di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

» PM panggil Palanivel, Subramaniam kali kedua

Oleh Mohd Hamizar Hamid dan M Hifzuddin Ikhsan  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak akan memanggil Presiden MIC, Datuk Seri G Palanivel dan Timbalannya, Datuk Seri S Subramaniam esok atau Selasa ini berhubung kemelut yang melanda parti itu.

Perdana Menteri yang juga Pe-

nggerusi Barisan Nasional (BN), berkata pertemuan kali kedua itu bertujuan mendapatkan penjelasan lanjut daripada kedua-dua pemimpin MIC itu.

"Saya akan jumpa Datuk Seri G Palanivel dan Datuk Seri S Subramaniam, Isnin atau Selasa untuk peryelasan...sekali lagi," katanya kepada pemberita selepas menyertai Kejohanan Golf Perdana Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) 2015 Piala Sultan Azlan Shah, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Yang Dipertua PEMADAM, Datuk Wira Mohd Johari Baharum dan Pengerusi PEMADAM Golf Perdana 2015, Datuk Mohd Suhaimi Abdullah.

Najib berkata demikian mengulas tindakan Palanivel dalam sidang medianya pagi semalam, yang memberi tempoh sehingga Isnin ini kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS), supaya menarik semula semua surat yang dikeluarkan kepada parti itu berhubung kemelut MIC atau menghadapi tindakan undang-undang.

Palanivel berkata, tindakan ROS mengeluarkan beberapa surat sebelum ini, yang mengandungi unsur mempersoalkan kedudukannya sebagai presiden dilihat sebagai berat sebelah dan melanggar perlembagaan MIC.

## Pemilihan semula

ROS mengarahkan MIC mengadakan pemilihan semula bagi semua jawatan berkenaan dalam tempoh 90 hari dalam surat bertarikh 5 Disember tahun lalu.

Sementara itu, Palanivel mendakwa ROS bertindak tidak adil dan berat sebelah apabila dalam surat bertarikh 6 Februari mempertikai kedudukannya yang dilantik pada Mesyuarat Agung MIC 2013 secepat menang tanpa bertanding.

Katanya, adalah tidak wajar apabila ROS mahu mengiktiraf Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) yang dipilih pada tahun 2009 dan meminta beliau memangku jawatan Presiden MIC, sedangkan beliau sudah bersedia mengadakan pemilihan baharu.

Ketua Pengarah ROS, Mohammad Razin Abdullah, tidak menjawab panggilan telefon atau membalas khidmat pesanan ringkas (SMS) yang dihantar bagi mendapatkan ulasan beliau berhubung tindakan Palanivel itu.

## Palanivel nafi dipanggil

Di Ayer Keroh, Palanivel menafikan dipanggil Najib, sebaliknya mendakwa hanya Dr Subramaniam dipanggil berbuat demikian.

Saya tidak dipanggil. Saya sudah berjumpa beliau (Perdana Menteri) beberapa kali bagi menerangkan mengenai keadaan sebenar (MIC). Hanya timbalan saya saja dia (PM) panggil, bukan saya," katanya sebelum mengadakan pertemuan dengan pemimpin MIC Melaka di Hotel Koperasi Bela Masyarakat (KOBEMAS), di sini semalam.